

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

ATURAN URUSAN MESYUARAT

NASKHAH SAHIH/BAHASA MALAYSIA

<http://www.parlimen.gov.my>

HARI KHAMIS, 4 JULAI 2024, PUKUL 10.00 PAGI

Bil. 4

WAKTU PERTANYAAN-PERTANYAAN MENTERI

1. PR-1532-MQT2727

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji [Jelutong] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah status penggubalan perundungan berkenaan kesalahan berhubung dengan akaun mule serta bagaimanakah perundungan ini dapat menangani peningkatan fraud kewangan dalam talian yang membimbangkan dalam negara berikutan perkembangan teknologi moden.

2. PR-1532-MQT2741

Tuan Roslan bin Hashim [Kulim Bandar Baharu] minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan adakah pihak Kementerian bercadang untuk menaikkan had nilai kerja G1 daripada RM200,000 kepada RM250,000 atau RM300,000 memandangkan harga barang yang semakin meningkat dan kerja G2 boleh dinaikkan kepada RM600,000.

3. PR-1532-MQT2722

Tuan Ganabatirau A/L Veraman [Klang] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan statistik kes-kes keganasan rumah tangga yang direkodkan di kawasan Klang dari tahun 2021 hingga 2023 mengikut pecahan kaum dan kumpulan ekonomi. Berapa jumlah daripada mangsa-mangsa tersebut yang telah ditempatkan di pusat perlindungan.

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT
ATURAN URUSAN MESYUARAT

NASKHAH SAHIH/BAHASA MALAYSIA

<http://www.parlimen.gov.my>

HARI KHAMIS, 4 JULAI 2024, PUKUL 10.00 PAGI

Bil. 27

WAKTU PERTANYAAN-PERTANYAAN MENTERI

PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

1. PR-1532-L24868
Puan Yeo Bee Yin [Puchong] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan berapa jumlah kes kanser baru setiap tahun dari 2020-2023. Apakah tindakan Kementerian untuk meningkatkan saringan kanser payu dara, kolon, serviks dan ovari di kalangan wanita dan saringan kanser paru-paru, kolon, prostate, Nasopharynx dan hati di kalangan lelaki.

2. PR-1532-L24809
Ir. Ts. Haji Khairil Nizam bin Khirudin [Jerantut] minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan status terkini pembinaan Jalan Persekutuan FT64 Maran-Jerantut-Benta yang masih lagi tidak siap sepenuhnya.

3. PR-1532-L25040
Datuk Seri Utama Ir. Hasni bin Mohammad [Simpang Renggam] minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan apakah langkah-langkah persediaan yang telah diambil oleh Kementerian dalam menghadapi situasi ketidaktentuan iklim pada masa kini.

4. PR-1532-L24986
Kapten Dato' Dr. Zulkafperi bin Hanapi (Bersara) [Tanjung Karang] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan persiapan terkini Kementerian bagi pelaksanaan Mykiosk Niaga pemasangan panel solar melalui JKT yang telah menyasarkan 3000 unit di seluruh negara bagi kepentingan peniaga dan usahawan kecil.

5. PR-1532-L25795

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan usaha Kementerian untuk mewujudkan peluang-peluang pekerjaan dan menyelesaikan masalah ketidakpadanan pekerjaan terutamanya lepasan-lepasan graduan dan generasi muda akan datang.

6. PR-1532-L24580

Tuan Shaharizukirnain bin Abd. Kadir [Setiu] minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan sejauh mana Komuniti Desa MADANI dapat menoktahkan kemiskinan dan hasrat Kerajaan untuk menubuhkannya di negeri-negeri lain.

7. PR-1532-L24628

Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah] minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan sejauh manakah kejayaan yang dicapai oleh Kementerian melalui program *Academy In Industry* (AI). Apakah kekangan-kekangan yang dihadapi dan strategi untuk menambah baik amalan latihan dalam industri yang lebih ekonomi untuk jangka pendek dan jangka panjang.

8. PR-1532-L24943

Dr. Hajah Halimah Ali [Kapar] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan langkah konkret Kementerian bagi menjamin cukup sumber manusia terlatih berkemahiran tinggi untuk menampung keperluan dalam memajukan industri semikonduktor Khususnya nilai tambah termasuklah *advanced packaging* dan R&D.

9. PR-1532-L25575

Datuk Hajah Siti Aminah binti Aching [Beaufort] minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan apakah usaha yang telah diambil oleh pihak Kementerian untuk meningkatkan kesedaran komuniti dalam mengamalkan gaya hidup sihat. Apakah Kementerian menyediakan peruntukan untuk pembinaan gelanggang futsal dan pusat aktiviti riadah di kawasan kampung dan perumahan.

10. PR-1532-L24970

Tuan Afnan Hamimi bin Dato' Haji Taib Azamuddin [Alor Setar] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan inisiatif bagi menggalakkan penglibatan penduduk Program Perumahan Rakyat (PPR) terhadap pelaksanaan Program Komuniti Sifar Sisa (KOSIS).

11. PR-1532-L24989

Datuk Seri Panglima Madius Tangau [Tuaran] minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan peranannya dalam menyelenggara dan menaik taraf jalan-jalan pertanian di seluruh negara dan berapa peruntukan yang diberikan untuk tujuan ini. Nyatakan juga jumlah jalan pertanian di Parlimen Tuaran berserta jumlah peruntukan yang diberikan untuk tujuan yang sama.

12. PR-1532-L25124

Tuan Nurul Amin bin Hamid [Padang Terap] minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan berapa projek Inisatif Kemudahan Rakyat (IKR) di daerah Padang Terap.

13. PR-1532-L25209

Tuan Manndzri bin Nasib [Tenggara] minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan berapa jumlah rumah yang telah dibina dan rumah yang dibaik pulih bagi tahun 2020 sehingga kini di bawah Projek Perumahan Rakyat Miskin Tegar (PPRT) yang merupakan salah satu program pembasmian kemiskinan luar bandar.

14. PR-1532-L25100

Dato' Dr. Ahmad Yunus bin Hairi [Kuala Langat] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah persiapan yang telah dilakukan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia dengan peningkatan kes COVID-19 di Singapura baru-baru ini.

15. PR-1532-L25351

Tuan Haji Ahmad Johnie bin Zawawi [Igan] minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan berapakah jumlah bantuan yang telah diberikan kepada rakyat di kawasan Parlimen Igan. Nyatakan jenis-jenis bantuan dan jumlah peruntukan yang telah disalurkan oleh Kementerian sejak tahun 2019 hingga kini serta nyatakan jumlah nelayan yang menerima bantuan berkenaan.

16. PR-1532-L25744

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Kubang Pasu] minta **MENTERI PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI** menyatakan :

- (a) perincian mengenai Strategi Semikonduktor Nasional (NSS) berdasarkan kepada fasa-fasa dan tempoh masa; dan
- (b) dari jumlah RM25 bilion yang diperuntukan oleh Kerajaan bagi sokongan fiskal kepada NSS berapa jumlah yang akan dibelanjakan untuk reka bentuk litar bersepadu (I.C design). Reka bentuk IC akan memberikan impak yang besar kepada NSS.

17. PR-1532-L25056

Dato' Sri Dr. Wee Jeck Seng [Tanjung Piai] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan perincian awal mengenai cadangan pemberian vaksin influenza percuma kepada individu berusia 65 tahun ke atas mulai 2025 dan apakah butiran perancangan terbaharu Kementerian dalam menambah baik Program Imunisasi Kebangsaan (NIP).

18. PR-1532-L25199

Tuan Haji Wan Hassan bin Mohd Ramli [Dungun] minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan :

- (a) statistik penjawat awam dalam kalangan Orang Asli (OA); dan
- (b) perancangan meningkatkan penempatan belia OA yang berkelulusan pengurusan dan profesional dalam sektor awam di tempat asal masing-masing agar mereka dapat kembali menyumbang kepada komuniti mereka.

19. PR-1532-L24906

Dato' Sri Richard Riot anak Jaem [Serian] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan bilakah tarikh sebenar ILP Serian dapat digunakan dan menerima pelajar, dan mengapa sehingga kini ILP Serian belum dapat digunakan.

20. PR-1532-L25768

Tuan Muhammad Ismi bin Mat Taib [Parit] minta **MENTERI PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI** menyatakan hasil positif perdagangan yang dinikmati oleh Malaysia setelah meratifikasi Perjanjian Kerjasama Ekonomi Komprehensif Serantau atau lebih dikenali sebagai Regional Comprehensive Economic Partnership (RCEP).

21. PR-1532-L24522

Tuan Haji Onn bin Abu Bakar [Batu Pahat] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan jumlah stadium di bawah pengurusan KPKT seluruh negara dan kos baik pulih serta naik taraf.

22. PR-1532-L25977

Tuan Mohd Azizi bin Abu Naim [Gua Musang] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah perancangan Kementerian untuk segera menaik taraf Hospital Gua Musang dengan mengambil kira pertambahan penduduk, peningkatan jumlah pesakit dan jarak yang amat jauh dengan hospital lain.

23. PR-1532-L25618

Tuan Roy Angau anak Gingkoi [Lubok Antu] minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan adakah terdapat tatacara atau pelan komprehensif oleh Kementerian dalam memberi keutamaan kepada kerja pembaikan infrastruktur penting seperti jalan, jambatan dan *culvert* yang rosak terutama di kawasan pedalaman yang ditimpa banjir dan tanah runtuh seperti di Ulu Skrang baru-baru ini.

24. PR-1532-L25377

Tan Sri Dato' Haji Mahiaddin bin Haji Mohd. Yassin [Pagoh] minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan apakah penyelesaian tuntas Kementerian khususnya dalam menangani isu beras tempatan, dan sejauh manakah keberkesanan fungsi yang telah dimainkan oleh NACCOL sehingga kini.

25. PR-1532-L25295

Tuan Haji Yusuf bin Abd. Wahab [Tanjong Manis] minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan apakah rancangan Kementerian untuk membaiki ban-ban pertanian dan struktur kawalan air yang sudah rosak dan mendap dan tidak dapat menghalang kemasukan air masin ke kawasan pertanian di Parlimen Tanjong Manis. Petani dan pesawah padi telah mengalami kerugian akibat air masin yang merosakkan tanaman mereka.

26. PR-1532-L24493

Dato' Haji Abdul Khalib bin Abdullah [Rompin] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan apakah usaha Kementerian untuk meningkatkan kemudahan peralatan dan teknologi di Institut Latihan Perindustrian seperti ILP dan ADTEC agar ianya selari dengan perkembangan teknologi masa kini.

27. PR-1532-L25421

Dato' Haji Adnan bin Haji Abu Hassan [Kuala Pilah] minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan apakah kebaikan Sistem Profiling Kampung Peringkat Nasional (SPKPN) yang dilaksanakan oleh Kementerian dan bagaimana sistem ini berfungsi bagi menangani sebarang permasalahan di sesebuah kampung.

28. PR-1532-L24709

Dato' Dr. Haji Alias bin Razak [Kuala Nerus] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan :

- (a) keberhasilan program intervensi yang dijalankan terhadap 38,384 murid sekolah yang didapati merokok melalui saringan Program Kesihatan Oral Tanpa Amalan Merokok (KOTAK) pada tahun 2023; dan

- (b) bentuk program intervensi lanjutan yang dilaksanakan Kementerian bagi memastikan murid-murid tersebut tidak kembali merokok.
29. PR-1532-L24773
Tuan Oscar Ling Chai Yew [Sibu] minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan mengapa rakyat perlu mendaftarkan BUDI MADANI untuk mendapatkan subsidi diesel walaupun rakyat sudah berdaftar di sistem PADU.
30. PR-1532-L25253
Datuk Iskandar Dzulkarnain bin Abdul Khalid [Kuala Kangsar] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan :
- (a) hasil kajian menyeluruh berhubung proses discaj pesakit dalam kalangan penjawat awam dan pesara dari Institut Jantung Negara (IJN) berikutan langkah penjimatan kos Kerajaan; dan
 - (b) sejauh manakah kajian ini dijangka akan menyelesaikan isu semasa di IJN untuk jangka masa yang panjang.
31. PR-1532-L25306
Datuk Seri Panglima Haji Mohd Shafie bin Haji Apdal [Semporna] minta **MENTERI PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI** menyatakan :
- (a) dasar semasa bagi kuota pekerja tempatan bagi pelabur-pelabur yang ingin melabur di Malaysia mengikut tangga pekerjaan (buruh mahir, buruh separuh mahir, buruh kasar); dan
 - (b) jenis pelaburan (domestik dan antarabangsa) yang berpotensi besar di Sabah yang sedang diusahakan oleh Kerajaan Persekutuan.
32. PR-1532-L25547
Dato' Syed Abu Hussin bin Hafiz Syed Abdul Fasal [Bukit Gantang] minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan secara terperinci berapakah jumlah beras putih tempatan harga RM26.00/10kg telah berada di pasaran yang dikeluarkan oleh 4 syarikat pengilang beras terpilih.

33. PR-1532-L25069

Datuk Larry Soon @ Larry Sng Wei Shien [Julau] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan bilakah pembinaan Poliklinik di Julau, Sarawak dijangka akan diteruskan lagi dan mengapakah terdapat penangguhan dalam perlaksanaan untuk membina Poliklinik baharu tersebut.

34. PR-1532-L24694

Datuk Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Haji Salleh [Pasir Puteh] minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan mengapa masih berlaku peningkatan harga siling runcit Bekalan Benih Padi Sah (BPS) iaitu RM45/20kg (Tahun 2023) kepada RM54/20kg (Tahun 2024) sedangkan NAFAS telah diberikan peruntukan khas bagi mengatasi masalah peningkatan harga BPS tersebut.

35. PR-1532-L24995

Datuk Seri Panglima Madius Tangau [Tuaran] minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan program dan langkah-langkah serta projek-projek Kerajaan Persekutuan untuk menoktahkan kemiskinan lapan daerah Sabah yang termiskin di Malaysia (Tongod, Beluran, Pitas, Kinabatangan, Kota Marudu, Tuaran, Ranau, Lahad Datu). Apakah punca kemiskinan itu dan berapa peruntukan yang disalurkan bagi projek-projek untuk tujuan ini.

36. PR-1532-L25474

Datuk Haji Ahmad Amzad bin Mohamed @ Hashim [Kuala Terengganu] minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan statistik terkini kemiskinan tegar di Terengganu khususnya bagi daerah Kuala Terengganu serta langkah yang diambil pihak Kementerian bagi menoktahkan kemiskinan tegar tersebut dalam masa dua bulan seperti yang diumumkan oleh Perdana Menteri.

37. PR-1532-L24854

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan langkah tangani isu *brain drain* tenaga pakar yang semakin kritikal sehingga menjasakan kualiti perkhidmatan kesihatan awam.

38. PR-1532-L25167

Puan Hajah Salamiah binti Mohd Nor [Temerloh] minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan :

(a) berapa peratus penerima subsidi bersasar yang layak berdasarkan data PADU yang telah menerima hak mereka; dan

(b) mengapa PADU tidak didaftarkan secara automatik sejak dari awal, bukan setelah tamat tempoh pendaftarannya dan berapakah jumlah sebenar kos untuk menyediakan sistem PADU.

39. PR-1532-L25989

Datuk Seri Panglima Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah status semasa Skim Perubatan MADANI kelihatan skop capaian semakin mengecil kepada 10 kawasan seluruh negara dan hanya satu di negeri Sabah iaitu Kota Kinabalu berbanding tahun sebelumnya.

40. PR-1532-L24962

Dato' Haji Ahmad bin Saad @ Yahaya [Pokok Sena] minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan pertimbangan untuk memasukkan projek Menaiktaraf Laluan Persekutuan (FT 175) dari Persimpangan Jalan Langgar (Seksyen 154.3) ke Persimpangan Kepala Batas (Seksyen 160.5) yang sepatutnya masuk dalam Rolling Plan 1,2 dan 4 RMKe-12.

41. PR-1532-L25900

Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan rancangan Kementerian untuk memperkasakan sektor sumber manusia di KKM dan bagaimana mengatasi kekurangan doktor, jururawat dan pekerja kesihatan di sektor awam negara kita.

42. PR-1532-L25455

Datuk Haji Idris bin Haji Ahmad [Bagan Serai] minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan sejauh mana Gelombang Padi yang dilancarkan pada awal tahun telah berjaya meluaskan program SMART Sawah Berskala Besar ala Sekinchan dan membangunkan sistem bersepadu SMART Padi.

43. PR-1532-L24764

Tuan Oscar Ling Chai Yew [Sibu] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan rasional Fi Pemeriksaan Ulangan Jentera meningkat pada tahun 2024. Apakah kesannya kepada perniagaan yang terlibat.

44. PR-1532-L24833

Tuan Mohd Nazri bin Abu Hassan [Merbok] minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan bilakah akan dilaksanakan had kuota belian padi bagi pengilang-pengilang beras kerana berlakunya monopoli terhadap pengilang-pegilang kecil terutamanya pengilang Bumiputera bagi mendapatkan bekalan padi disebabkan pengilang dan pemborong besar menguasai rantai bekalan beras tempatan dan import.

45. PR-1532-L25861

Datuk Ir. Shahelmey bin Yahya [Putatan] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan pertimbangan untuk pembinaan klinik kesihatan Desa di Pulau Gaya memandangkan keperluan yang sangat mendesak dikalangan penduduk Pulau Gaya.

46. PR-1532-L25264

Tuan Hassan bin Saad [Baling] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan usaha bagi mewujudkan pusat kesihatan awam tambahan bagi mengurangkan kesesakan di klinik kesihatan awam sedia ada terutamanya di daerah Baling.

47. PR-1532-L25592

Tuan Suhaihan bin Kiat [Pulai] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan apakah garis panduan untuk melayakkan pembangunan semula kawasan perumahan yang mempunyai masalah penyelenggaraan yang tinggi atau tidak selamat diduduki dan apakah bantuan Kementerian bagi pembangunan semula kawasan perumahan kos rendah serta kos sederhana rendah.

48. PR-1532-L24494

Dato' Haji Abdul Khalib bin Abdullah [Rompin] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan apakah usaha Kementerian bagi memastikan pelajar IPTA/IPTS/TVET mendapat elauan semasa latihan industri yang setimpal dan sejauh mana industri bersedia mengambil dan membayar pelajar latihan industri ini.

49. PR-1532-L25631

Tuan Lee Chean Chung [Petaling Jaya] minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan adakah Kerajaan perlu membayar apa-apa pampasan sekiranya projek PJD Link dibatalkan, dan sekiranya ada, nyatakan terma dan berapa kos yang perlu ditanggung Kerajaan.

50. PR-1532-L24920

Dato' Hajah Mumtaz binti Md Nawi [Tumpat] minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk menjadikan Tumpat sebagai bandar sempadan bertaraf antarabangsa dengan menyiapkan jambatan persahabatan Pengkalan Kubur Takbai sebelum PRU16 sekaligus memangkin perekonomian diantara Malaysia-Thailand.

51. PR-1532-L25410

Datuk Wetrom bin Bahanda [Kota Marudu] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan apakah tindakan dan perancangan dari pihak Kementerian dalam mengurus dan membangunkan sumber tenaga pekerja terutama dari daerah Kota Marudu yang mempunyai peratus populasi pada umur bekerja sebanyak 62.3% yang tidak dapat menampung jumlah pekerjaan sedia ada di daerah Kota Marudu.

52. PR-1532-L25245

Tuan Zahari bin Kechik [Jeli] minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan :

- (a) jumlah permohonan Projek Perumahan Rakyat Termiskin (PPRT) dari tahun 2022 hingga sekarang mengikut perincian tahun, jumlah permohonan dan jumlah lulus; dan
- (b) jumlah permohonan PPRT dan permohonan telah lulus di kawasan Parlimen Jeli dari tahun 2022 hingga sekarang.

53. PR-1532-L24985

Tuan Afnan Hamimi bin Dato' Haji Taib Azamudden [Alor Setar] minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan apakah sasaran terkini Malaysia dalam temasya Olimpik Paris 2024 yang bakal berlangsung pada Julai 2024 serta sejauh manakah persediaan atlet negara dalam menghadapi temasya berkenaan di bawah Program Road to Gold.

54. PR-1532-L24692

Datuk Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Haji Salleh [Pasir Puteh] minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan adakah pihak Kementerian bercadang untuk melantik dan menyerahkan kerja-kerja penyelenggaraan jalan raya Persekutuan kepada konsesi sepenuhnya dengan tujuan perkhidmatannya lebih baik dan cepat khususnya berkaitan pembaikan segera kerosakan jalan raya demi keselamatan dan keselesaan pengguna jalan raya.

55. PR-1532-L25314

Datuk Seri Panglima Haji Mohd Shafie bin Haji Apdal [Semporna] minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan berapakah peruntukan yang dibelanjakan bagi sektor pertanian dan keterjaminan makanan di Sabah setiap tahun bagi tempoh 5 tahun ini dan nyatakan pecahan-pecahan peruntukan dan perbelanjaan tersebut.

56. PR-1532-L24595

Tuan Haji Abdul Latiff bin Abdul Rahman [Kuala Krai] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan adakah Kementerian bercadang untuk menjadikan Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) mempunyai akaun patuh syariah sebagaimana Kumpulan Wang Simpanan Persaraan (KWSP) dan menggalakkan penggunaannya terutama kepada orang Islam di Malaysia.

57. PR-1532-L25660

Tuan Jimmy Puah Wee Tse [Tebrau] minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan penjelasan tentang kesediaan atlet Malaysia dalam projek Road To Gold dan jumlah sasaran pingat pada Sukan Olimpik Paris 2024.

58. PR-1532-L25190

Tuan Chiew Choon Man [Miri] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan perancangan dan kesediaan Kementerian dalam memanfaatkan bangunan baharu Hospital Miri yang telah siap dibina bagi menyediakan perkhidmatan kepakaran Kardiologi dan Onkologi, serta perancangan Kementerian untuk meningkatkan bilangan doktor dalam kedua-dua bidang kepakaran ini di hospital-hospital Kerajaan, termasuk di Hospital Miri.

59. PR-1532-L25203

Datuk Haji Awang bin Hashim [Pendang] minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan :

- (a) sejauh mana Kerajaan mengkaji implikasi kuasa beli pengguna serta perbelanjaan isi rumah mengambil kira 343 daripada 573 item yang dipantau merekodkan kenaikan harga bagi Inflasi Mengikut Kuadran pada April 2024 berdasarkan laporan Jabatan Perangkaan Malaysia ; dan
- (b) apakah tindakan proaktif yang diambil bagi menangani cabaran ini.

60. PR-1532-L25054

Dato' Sri Dr. Wee Jeck Seng [Tanjung Piai] minta **MENTERI PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI** menyatakan jaminan Kementerian dalam menarik sekurang-kurangnya RM500 bilion pelaburan untuk fasa pertama Pelan Strategik Semikonduktur Kebangsaan (NSS) dapat direalisasikan dan apakah indikator yang akan digunakan bagi mengukur kadar keberjayaan NSS ini.

61. PR-1532-L24837

Tuan Mohd Nazri bin Abu Hassan [Merbok] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan apakah tindakan Kerajaan dalam memantau dan mengawal pertumbuhan penduduk warga asing dan dijangka anjakan pekerja asing kepada pengusaha asing dalam sektor formal dan tidak formal akan menyebabkan usaha Kerajaan untuk mengurangkan perbezaan jurang pendapatan rakyat menjadi semakin sulit.

62. PR-1532-L25156

Datuk Jonathan Yasin [Ranau] minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan adakah Kerajaan dapat menyegerakan pembinaan naik taraf jalan dari simpang ke Kg Gana-Gana-Suminimpod-Kg Gaur dan juga jalan dari simpang jalan utama Ranau-Tambunan ke Kg Longut Lama.

63. PR-1532-L24937

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik] minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan sejauh manakah keberkesanan langkah intervensi Kementerian dalam memastikan kelangsungan bekalan beras tempatan serta meningkatkan tahap sara diri (SSL) bagi beras tempatan negara yang masih berada jauh di bawah kadar 80% SSL ketika ini.

64. PR-1532-L24726

Tuan Kesavan A/L Subramaniam [Sungai Siput] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan status terkini Skim Khas Pembiayaan Rumah Pekerja Estate (SKRE) Sime Darby yang telah menyerahkan tanah seluas 4 hektar Ladang Elphil Sungai Siput untuk membina 100 unit rumah teres dua tingkat berharga lebih kurang RM150,000.

65. PR-1532-L25131

Tuan Nurul Amin bin Hamid [Padang Terap] minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan perancangan Kementerian untuk meningkatkan aktiviti ekonomi di sempadan negara Durian Burung, Padang Terap dengan Thailand.

66. PR-1532-L25658

Tuan Lee Chuan How [Ipoh Timor] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan rawatan terbaru yang dalam pertimbangan untuk mengelakkan kebergantungan yang terlalu tinggi kepada pekatan faktor yang seterusnya boleh menimbulkan tindak balas sistem imun badan yang boleh mengurangkan keberkesanan pekatan faktor tersebut.

67. PR-1532-L24638

Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee [Beluran] minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan usaha yang sedang diambil untuk menggalakkan penanaman ubi kayu sejajar dengan Dasar Agromakanan Negara 2021-2030 (DAN 2.0) serta nyatakan juga insentif yang disediakan oleh Kementerian kepada industri ubi kayu ini.

68. PR-1532-L25226

Tuan Manndzri bin Nasib [Tenggara] minta **MENTERI PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI** menyatakan berapa jumlah stesen pengecas kenderaan elektrik (EV) yang telah berjaya dipasang di seluruh negara dan adakah ianya mampu mencapai sasaran 10,000 titik pengecasan menjelang 2025 seperti mana yang digariskan dalam Pelan Tindakan Mobiliti Rendah Karbon (LCMB) 2021-2030.

69. PR-1532-L25204

Datuk Haji Awang bin Hashim [Pendang] minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan perincian berhubung keputusan Kerajaan untuk memberikan bantuan dalam bentuk pinjaman dan tidak lagi menawarkan geran percuma kepada usahawan serta syarikat-syarikat Bumiputera di bawah agensi-agensi pembangunan Bumiputera seperti TERAJU seperti yang diberikan sebelum ini.

70. PR-1532-L24629

Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan secara terperinci cabaran-cabaran yang dihadapi dalam menangani isu-isu yang dihadapi oleh pekerja gig yang kian bertambah. Apakah langkah-langkah Kementerian dalam menyelesaikan masalah-masalah yang dihadapi oleh pekerja gig terutamanya dari segi keselamatan sosial dan latihan pembangunan yang sesuai dengan permintaan pasaran.

71. PR-1532-L25237

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [Arau] minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan :

- (a) berapa banyak dana yang telah berjaya dibawa masuk sejak pelancaran KL20; dan
- (b) prestasi penglibatan usahawan tempatan yang berjaya dibimbing ke peringkat global di bawah Rangka Kerja Ekonomi MADANI.

72. PR-1532-L(5)00252

Puan Wong Shu Qi [Kluang] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan langkah-langkah yang akan diambil untuk mengatasi kekurangan jururawat menjelang 2030 serta isu *brain-drain* dalam sektor tersebut, memandangkan ramai jururawat tempatan tertarik dengan tawaran daripada Timur Tengah, Singapura dan sebagainya.

[Pertanyaan di bawah PM 22(5)]

73. PR-1532-L24851

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera] minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan :

- (a) bilakah subsidi bersasar akan dilaksanakan dan apakah mekanisme pelaksanaan tersebut; dan
- (b) apakah berlaku pertindihan di antara program PADU dan BUDI MADANI kerana kedua-duanya melibatkan sistem pemberian subsidi bersasar dan mengapa rakyat perlu mendaftar pada kedua-dua sistem ini.

74. PR-1532-L25886

Dato' Sri Ikmal Hisham bin Abdul Aziz [Tanah Merah] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan adakah Kementerian menerima apa-apa laporan atau aduan daripada penerima vaksin AstraZeneca (AZ) selepas firma Farmaseutikal AstraZeneca (AZ) mengakui dalam dokumen mahkamah bahawa vaksin COVID-19 mereka boleh menyebabkan kesan sampingan yang jarang berlaku.

75. PR-1532-L25486

Tuan Mohamad Shafizan Haji Kepli [Batang Lutar] minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan status terkini pengoperasian Kompleks Perikanan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) Beladin, penyerahan rumah di bawah program Penempatan Semula Nelayan (PSN) Beladin serta bantuan-bantuan input perikanan yang telah disalurkan untuk nelayan-nelayan di Parlimen Batang Lutar untuk tahun 2024.

76. PR-1532-L25401

Tuan Haji Mohd Hasnizan bin Harun [Hulu Selangor] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan langkah yang telah dibuat oleh kementerian untuk menjelaskan pendirian Kerajaan terhadap pindaan Peraturan Kesihatan Antarabangsa 2005 (IHR 2005) kepada seluruh rakyat Malaysia.

77. PR-1532-L24863

Puan Yeo Bee Yin [Puchong] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan perkembangan Tabung Penyakit Jarang Jumpa:

- (a) memandangkan dana di tabung ini adalah terhad, bagaimana pembahagian dana ditetapkan. Apakah mekanisme untuk memastikan pembahagian dana adalah adil; dan
- (b) apakah langkah-langkah yang diambil untuk menurunkan kos rawatan (ubat) penyakit jarang jumpa.

78. PR-1532-L25248

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [Arau] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan :

- (a) berapa jumlah doktor pakar Malaysia yang telah berhijrah ke luar negara sejak 10 tahun kebelakangan ini dan adakah kajian menyeluruh telah dilaksanakan bagi mendalami masalah *brain drain*; dan
- (b) tindakan Kementerian bagi mengekang graduan perubatan atau doktor pakar memilih keluar daripada perkhidmatan Kementerian Kesihatan dan berhijrah ke luar negara atau perkhidmatan swasta.

79. PR-1532-L25446

Tuan Edwin anak Banta [Selangau] minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan status projek bekalan air bersih di Selangau dan Stapang yang sudah 8 tahun lalu diumumkan.

80. PR-1532-L25591

Tuan Suhaihan bin Kaiat [Pulai] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan apakah rancangan untuk memperkasakan Pesuruhjaya Bangunan (COB) memandangkan masalah rumah dan kedai strata terlalu banyak dan mencabar sedangkan kemampuan COB terlalu terhad dan terlalu bergantung kepada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).

81. PR-1532-L25435

Tan Sri Haji Abdul Hadi bin Awang [Marang] minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan sejauh mana pelaksanaan Kementerian dalam mengoptimumkan penggunaan tanah terbiar bagi memastikan keterjaminan makanan negara.

82. PR-1532-L24750

Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein [Sembrong] minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan sejauh manakah kesan perniagaan warga asing khususnya dalam bidang peruncitan dan F&B terhadap daya saing peniaga tempatan.

83. PR-1532-L25717

Datuk Dr. Haji Ahmad Marzuk bin Shaary [Pengkalan Chepa] minta **MENTERI PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI** menyatakan berapa nilai pelaburan FDI yang telah berjaya dibawa masuk, diluluskan dan dimeterai pada tahun 2023 sehingga 2024 di negeri manakah ianya direalisasikan.

84. PR-1532-L25153

Datuk Jonathan Yasin [Ranau] minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan mengapa Kerajaan tidak mempercepatkan pembinaan laluan PAN Borneo dari Tamparuli ke Ranau sedangkan laluan jalan penting inilah yang selalu terjadi kesesakan jalan hingga membangkitkan kemarahan berpuluhan ribu orang yang menggunakan jalan ini terutama semasa cuti-cutip dan perayaan memandangkan Ranau adalah sebuah daerah pelancongan.

85. PR-1532-L25475

Datuk Haji Ahmad Amzad bin Mohamed @ Hashim [Kuala Terengganu] minta **MENTERI PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI** menyatakan :

- (a) jumlah dan peratusan syarikat milik Bumiputera dan bukan Bumiputera yang mendapat pensijilan halal mengikut industri ; dan
- (b) langkah komprehensif yang diambil bagi memastikan penyertaan Bumiputera dalam industri halal yang kini banyak dikuasai oleh syarikat-syarikat bukan Bumiputera selari dengan Pelan Induk Industri Halal 2030 yang diperkenalkan setahun yang lalu.

86. PR-1532-L25484

Tuan Mohamad Shafizan Haji Kepli [Batang Luper] minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan apakah usaha bagi membantu dan menggalakkan penggunaan benih padi hibrid dalam kalangan pesawah di Sarawak ke arah meningkatkan pengeluaran beras demi memenuhi keperluan penduduk tempatan.

87. PR-1532-L25899

Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan pelan Kementerian untuk memperkasakan *parallel pathway* untuk memastikan keperluan doktor pakar di negara kita dipenuhi.

88. PR-1532-L24942

Dr. Hajah Halimah Ali [Kapar] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan :

- (a) berapa jumlah kilang berdaftar dan kilang haram di seluruh Kapar; dan
- (b) berapa anggaran kerugian Kerajaan kerana kegagalan pemutihan ni.

89. PR-1532-L25564

Datuk Hajah Siti Aminah binti Aching [Beaufort] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan bilakah pelaksanaan Projek Mini Balai Bomba dapat dilaksanakan di daerah Menumbok memandangkan kawasan ini seringkali berlaku kebakaran dan jarak Balai Bomba Kuala Penyu ke Pekan Menumbok mengambil masa lebih 45 minit.

90. PR-1532-L25587

Tuan Fathul Huzir bin Ayob [Gerik] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan keperluan menyediakan tiga buah bot ambulans di kawasan Pulau Banding Gerik untuk kegunaan membawa pesakit tempatan dan Orang Asli ke hospital berhampiran bagi mengurangkan risiko kematian dan memendekkan masa perjalanan melalui jalan darat.

91. PR-1532-L24862

Tuan Chow Kon Yeow [Batu Kawan] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan sama ada peruntukan bagi bantuan Tabung Penyelenggaraan Perumahan Malaysia (TPPM) akan ditingkatkan. Perincikan jumlah pecahan peruntukan bagi setiap negeri sejak 2018 berserta projek-projek perumahan berkaitan.

92. PR-1532-L25083

Tuan Zulkifli bin Ismail [Jasin] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan tindakan yang diambil bagi menangani lambakan pekerja asing dan pendatang tanpa izin (PATI) di Malaysia.

93. PR-1532-L25428

Tuan Haji Yusuf bin Abd. Wahab [Tanjung Manis] minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan apakah status terkini berkenaan projek membina jalan dari Kampung Paloh ke Tanjung Manis yang mana peruntukan telah diluluskan sebanyak RM267 juta. Bilakah pembinaan projek tersebut akan dimulakan dan berapa lamakah tempoh pembinaan projek.

94. PR-1532-L24884

Datuk Wan Saifulruddin bin Wan Jan [Tasek Gelugor] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan perancangan pembangunan perumahan baru dan pemetaan kawasan dataran banjir bagi daerah Seberang Perai Utara, terutama Tasek Gelugor, dalam rangka memastikan pembinaan taman perumahan baru tidak menyebabkan berlakunya banjir di kampung-kampung sekitarnya.

95. PR-1532-L25929

Tuan Chong Zhemin [Kampar] minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan adakah Malaysia berhasrat untuk menganjur Sukan SEA 2027.

96. PR-1532-L24885

Datuk Wan Saifulruddin bin Wan Jan [Tasek Gelugor] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan berapa jumlah *pillar hydrant* yang dipasang, berapa yang berfungsi dan berapa yang rosak, serta rancangan Kementerian untuk menambah baik bilangan dan kapasiti *pillar hydrant* terutamanya dalam kawasan perkampungan di Tasek Gelugor.

97. PR-1532-L24805

Ir. Ts. Haji Khairil Nizam bin Khirudin [Jerantut] minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan apakah kekangan yang melambatkan proses pindaaan Akta Pendaftaran Jurutera 1967 (Akta 138) bagi memberi peruntukan kuasa dan penguatkuasaan yang lebih luas kepada Lembaga Jurutera Malaysia terhadap orang awam, syarikat atau organisasi yang melanggar akta ini.

98. PR-1532-L25073

Datuk Larry Soon @ Larry Sng Wei Shien [Julau] minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan adakah terdapat perancangan untuk membina jalan raya baharu bagi menghubungkan Nusantara, ibu kota baharu Indonesia, memandangkan daerah Kapit adalah berdekatan dengan sempadan negara Indonesia.

99. PR-1532-L25043
Datuk Seri Utama Ir. Hasni bin Mohammad [Simpang Renggam] minta **MENTERI PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI** menyatakan apakah peluang yang boleh diraih oleh Kerajaan untuk meningkatkan pelaburan asing dan domestik negara dikala ketidaktentuan ekonomi global dan ketegangan geopolitik.
100. PR-1532-L24910
Dato' Sri Richard Riot anak Jaem [Serian] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan bilakah Klinik Kesihatan Kelas 3, Serian akan mula beroperasi.
101. PR-1532-L25017
Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan tindakan Kementerian berikutnya kononnya 95 peratus klinik dan hospital Kerajaan tidak cukup kakitangan.
102. PR-1532-L25166
Dato' Verdon bin Bahanda [Kudat] minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan status pelaksanaan pembinaan jalan Pan Borneo Kota Belud-Kudat.
103. PR-1532-L25501
Dato' Indera Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar] minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan cadangan untuk mewujudkan laporan terhadap laporan inflasi sedia ada mengikut corak perbelanjaan berdasarkan kumpulan pendapatan isi rumah supaya data inflasi lebih spesifik dan menggambarkan keadaan sebenar.
104. PR-1532-L24895
Dr. Radzi Jidin [Putrajaya] minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan :
- apakah asas kewujudan platform BUDI MADANI untuk pendaftaran dan penyaluran bantuan Kerajaan sedangkan PADU telah diperakui sebagai pangkalan data utama; dan
 - adakah tindakan mewujudkan platform BUDI MADANI merupakan manifestasi kegagalan PADU dalam menyediakan data bagi penyaluran bantuan Kerajaan.
105. PR-1532-L25691
Datuk Ali anak Biju [Saratok] minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan apakah formula atau mekanisme spesifik untuk menekankan kemiskinan seperti mana yang telah diumumkan di beberapa buah negeri sebelum ini.

106. PR-1532-L25102

Datuk Suhaimi bin Nasir [Libaran] minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh Kerajaan bagi memastikan taraf kemiskinan tegar di Sabah dapat dinoktahkan pada bulan Julai 2024.

107. PR-1532-L24619

Dr. Siti Mastura binti Muhammad [Kepala Batas] minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan perincian kaedah pembasmian miskin tegar yang telah dilaksanakan oleh Kementerian.

108. PR-1532-L25433

Tan Sri Haji Abdul Hadi bin Awang [Marang] minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan apakah pencapaian terkini Kerajaan dalam melaksanakan Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga (NETR).

109. PR-1532-L24844

Tuan Zahir bin Hassan [Wangsa Maju] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan :

- (a) dalam konteks Majlis TVET Negara, apakah pecahan peruntukan untuk TVET bagi setiap Kementerian terlibat; dan
- (b) usaha untuk meletakkan pengurusan TVET di bawah pentadbiran satu Kementerian.

110. PR-1532-L24631

Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee [Beluran] minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan mengikut kawasan Parlimen di Sabah perincian dana, pendekatan dan program-program ekonomi dan sosial yang akan dilaksanakan oleh Kerajaan bagi manfaat kumpulan sasar dalam usaha untuk menoktahkan kemiskinan tegar di Sabah menjelang Julai 2024 ini.

111. PR-1532-L25909

Dato' Seri Amirudin bin Shari [Gombak] minta **MENTERI PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI** menyatakan apakah peranan MATRADE dalam mencapai hasrat Kerajaan dalam NIMP 2030. Apakah peranan MATRADE dalam mencari rakan perdagangan baharu seperti pasaran BRICS.

ATURAN URUSAN MESYUARAT DAN USUL-USUL

1. (D.R.17/2024) Rang Undang-Undang Penagih Dadah (Rawatan dan Pemulihan) (Pindaan) 2024 - **Menyambung semula perbahasan atas masalah "Bahawa Rang Undang-Undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang," (3 Julai 2024)**

[Menteri Dalam Negeri]

2. (D.R.19/2024) Rang Undang-Undang Mufti (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 2024. **Bacaan Kali Yang Kedua**

[Perdana Menteri]

3. (D.R.18/2024) Rang Undang-Undang Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) (Pindaan) 2024. “

[Perdana Menteri]

4. (D.R.20/2024) Rang Undang-Undang Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) (Pindaan) 2024. “

[Perdana Menteri]

5. **Menteri di Jabatan Perdana Menteri** akan mencadangkan :

"Menyedari bahawa Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) telah dibentangkan di hadapan Dewan Rakyat pada 4 Julai 2024 seperti berikut:

- i. LKAN 2/2024 mengenai Aktiviti Kementerian/Jabatan Kerajaan Persekutuan dan Badan-Badan Berkanun Persekutuan, yang melaporkan 9 aktiviti melibatkan 11 kementerian di peringkat Persekutuan; dan
- ii. LKAN 2/2024 mengenai Pengurusan Syarikat Kerajaan Persekutuan yang mengandungi hasil pengauditan terhadap 8 syarikat.

Memahami bahawa LKAN membangkitkan isu-isu ketakteraturan serius yang berlaku dalam perakaunan atau penjagaan wang awam atau simpanan awam serta pengurusan aktiviti Kerajaan dan syarikat Kerajaan yang memerlukan tindakan berkesan daripada kementerian, jabatan, agensi dan syarikat Kerajaan yang diaudit.

Memperakui bahawa pentingnya reformasi tatakelola bagi menangani pembaziran wang awam dan ketirisan serta memastikan perkhidmatan Kerajaan benar-benar membantu rakyat. Kerajaan memandang serius isu yang dibangkitkan dalam LKAN, dan seterusnya mengambil tindakan penambahbaikan dan pencegahan bagi mengelakkan kelemahan yang sama dibangkitkan semula pada masa hadapan.

Bahawa LKAN wajar dibahaskan secara terperinci di Dewan Rakyat supaya perhatian dan pengamatan yang mendalam oleh semua pihak dapat diberikan bagi mendukung hasrat Kerajaan mewujudkan tadbir urus sektor awam yang lebih baik selain penelitian hanya di peringkat Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara (PAC). Ia sekaligus dapat memberikan isyarat jelas kepada keseluruhan jentera pentadbiran Kerajaan akan kesungguhan untuk memerangi kecurangan dan salah laku serta memartabatkan tatakelola yang unggul seperti yang disarankan oleh YAB Perdana Menteri. Usaha murni ini juga seiring dengan inisiatif mentransformasikan Dewan Rakyat yang berperanan untuk 'semak dan imbang' kuasa eksekutif."

6. (D.R.13/2024) Rang Undang-Undang Perlembagaan (Pindaan) 2024 - **Menyambung semula perbahasan atas masalah "Bahawa Rang Undang-Undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang," (27 Mac 2024)**

[Menteri Dalam Negeri]

7. PR-1532-U(27)328
Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa cukai barang dan perkhidmatan (GST) untuk diperkenalkan semula bagi menjana kembali pendapatan negara dengan lebih baik dengan melaksanakan beberapa penambahbaikan terhadap mekanisme GST itu sendiri.

Kerajaan boleh mempertimbangkan kadar GST yang lebih rendah iaitu daripada 6 peratus kepada 4 peratus yang dilihat lebih munasabah serta tidak membebankan pengguna dan pembayar cukai. Manakala pelaksanaan serta pematuhanya perlu dipermudah dengan kesan minima kepada perniagaan seperti penambahbaikan mekanisme pembayaran semula cukai dapat disegerakan dalam tempoh 14 hari dan Kerajaan perlu melantik auditor bebas dari pihak swasta untuk menyemak rekod bagi memastikan tiada sebarang pelanggaran cukai berlaku.

Sistem percukaian GST yang pernah dilaksanakan negara sebelum ini adalah sistem cukai yang lebih baik berbanding pelaksanaan cukai jualan dan perkhidmatan (SST) dan lambakan cukai yang akan dilaksanakan pada tahun ini, dan seharusnya Kerajaan perlu segera mengambil iktibar dari kesan pemansuhan GST pada 2018 yang telah membebankan rakyat sehingga hari ini.

Malah, dengan pengenalan semula GST ini, maka tidak perlu lagi dilaksanakan sistem e-Invois yang hanya akan menghuru-harakan para peniaga kecil dan sederhana."

[Menteri Kewangan]

8. PR-1532-U(27)329

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan untuk mengeluarkan gula daripada diwartakan di bawah Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011 dalam usaha mengurangkan penyakit diabetes dalam kalangan rakyat Malaysia berbanding langkah Kerajaan memperkenalkan sistem penggredan untuk kandungan gula.

Harga gula di Malaysia kini kekal rendah dan di bawah harga siling adalah disebabkan pemberian insentif oleh Kerajaan sebanyak RM42 juta sebulan kepada semua pengilang gula di negara ini mulai November 2023 dan telah menyebabkan harga gula di Malaysia, yang bukan negara pengeluar gula, antara yang terendah di dunia.

Malah, Malaysia kini juga mempunyai kadar diabetes tertinggi di rantau Pasifik Barat dan antara tertinggi di dunia. Dan, dijangka tujuh juta individu berumur 18 tahun ke atas di Malaysia berpotensi menghidap penyakit kencing manis atau pra-diabetes menjelang tahun 2025.

Kerajaan perlu bertindak sebagaimana yang dilaksanakan oleh Kerajaan Barisan Nasional (BN) pada 2013, yang memansuhkan subsidi gula dan kerajaan Pakatan Harapan (PH) pada tahun 2019 yang mengenakan cukai ke atas minuman bergula yang secara tidak langsung akan dapat membendung krisis penyakit tidak berjangkit (NCD) di Malaysia dan mampu mengurangkan kos perubatan negara."

[Menteri Kewangan]

9. PR-1532-U(27)330

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan untuk meningkat dan memperketatkan kawalan keselamatan serta ketenteraman negara pada tahap tertinggi terutama di lokasi-lokasi sensitif, premis kerajaan, tempat-tempat tumpuan awam dan fasiliti berkepentingan.

Kesemua peringkat kepimpinan pasukan keselamatan negara serta petugas di lapangan perlu mengambil langkah-langkah komprehensif semasa menjalankan tugas dengan mematuhi pekeliling dan mengikut prosedur operasi standard (SOP) yang telah dikeluarkan bagi mengelakkan insiden seperti yang berlaku di Balai Polis Ulu Tiram, Johor kembali berulang dan mengorbankan mereka yang tidak bersalah.

Perhatian dan tindakan serius dari Kerajaan perlu segera diambil bagi menangani kegusaran masyarakat umum mengenai tahap keselamatan dan ketenteraman negara."

[Menteri Dalam Negeri]

10. PR-1532-U(27)331

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan untuk memberi komitmen secara menyeluruh dalam usaha mengekalkan 50 peratus litupan hutan di Malaysia susulan laporan "*State of the Malaysian Rainforest*" oleh pemerhati alam sekitar, RimbaWatch mengenai 3.2 juta hektar hutan semula jadi berisiko ditebang manakala sebanyak 2.4 juta hektar berada dalam ancaman hutan balak iaitu kira-kira sebesar saiz gabungan Johor dan Negeri Sembilan.

Koordinasi oleh kementerian yang bertanggungjawab mesti dilaksanakan secara bersepadu dengan bantuan, sokongan dan kerjasama komuniti saintifik, masyarakat tempatan, agensi-agensi kerajaan tempatan, negeri dan persekutuan, serta pembabitan pihak swasta dan korporat. Dan, Malaysia perlu menjadi teladan kepada dunia dalam usaha memerangi krisis kehilangan sumber kepelbagaian biologi dan perubahan iklim."

[Menteri Sumber Asli dan Kelestarian Alam]

11. PR-1532-U(27)323
Tuan Wan Ahmad Fayhsal bin Wan Ahmad Kamal [Machang] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan ini membuat ketetapan untuk mempertimbang dan/atau menarik semula keputusan penjualan sebahagian saham Malaysia Airports Holdings Berhad (MAHB) kepada Global Infrastructure Partners (GIP) milik BlackRock Inc."

[Menteri Kewangan]

12. PR-1532-U(27)324
Tuan Wan Ahmad Fayhsal bin Wan Ahmad Kamal [Machang] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan ini membuat ketetapan untuk menggantikan penggunaan nama Israel kepada Negara Palestin yang diduduki atau *Occupied State of Palestine* bagi merujuk negara haram di bawah Regim Zionis."

[Menteri Luar Negeri]

13. PR-1532-U(27)325
Dato' Indera Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat menggesa Kerajaan untuk membentangkan laporan kajian menyeluruh untuk memahami punca pelajar tidak menduduki peperiksaan SPM agar tidak terus membarah.

Penerangan ini melibatkan tinjauan, perbincangan kumpulan fokus atau inisiatif penglibatan komuniti untuk mengumpulkan maklumat langsung daripada pelajar yang terjejas dan keluarga mereka.

Seramai 10,160 pelajar yang mendaftar SPM 2023 tidak menduduki peperiksaan tersebut. Daripada 383,685 calon yang baru mendaftar, hanya 373,525 yang hadir dan mengambil sekurang-kurangnya satu mata pelajaran.

Mereka akan menghadapi pilihan pekerjaan yang terhad. Jawatan yang boleh selalunya memerlukan kurang kepakaran dan menawarkan gaji yang lebih rendah, menjadikannya lebih sukar bagi mereka untuk mendapatkan pekerjaan yang berpendapatan tinggi. Akibatnya, memenuhi keperluan asas seperti perumahan, penjagaan kesihatan dan keperluan boleh menjadi cabaran besar bagi mereka seterusnya membawa kepada insiden kemiskinan pada masa hadapan."

[Menteri Pendidikan]

14. PR-1532-U(27)326

Dato' Indera Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat menggesa Kerajaan untuk mewujudkan dasar keterlibatan yang jelas dan polisi penerimaan makluman bagi memudahkan masyarakat tempatan membuat persediaan awal terhadap kesan limpahan ekonomi melalui pembangunan mega tersebut.

Dasar ini menyokong jalinan libat urus pihak Kerajaan kepada masyarakat setempat bagi meningkatkan kefahaman khusus terhadap potensi limpahan ekonomi untuk setiap lokaliti disamping memberi ruang sokongan peluang pekerjaan kepada bakat tempatan. Pengesahan projek mega seperti contoh Projek Lebuh Raya Pan Borneo, MRT dan ECRL sewajarnya diberi maklum secara khusus seperti contoh program kerjasama jalinan bersama penduduk setempat dari sudut manfaat ekonomi sama ada sebelum, semasa dan selepas pembinaan. Dengan keterlibatan yang menyeluruh ini akan memberi ruang persediaan kepada penduduk setempat menjadi sebahagian dari penyumbang dan pemilik pertumbuhan ekonomi lokaliti.

Adalah menjadi harapan, limpahan atau spill over impak projek pembangunan mega dapat dirasai dan dimanfaatkan sepenuhnya oleh penduduk setempat."

[Menteri Ekonomi]

15. PR-1532-U(27)327

Dato' Indera Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat menggesa Kerajaan untuk membentangkan kertas putih bagaimana strategi untuk mencapai sasaran 300,000 pekerja tambahan yang terdiri dari 60,000 pekerja jurutera mahir tempatan dalam industri semikonduktor dan mengekalkan Malaysia sebagai salah satu pengeksport utama dunia dengan jumlah RM1.2 trillion nilai eksport menjelang 2030.

Walau bagaimanapun, jumlah pelajar dalam bidang kejuruteraan telah menurun sehingga 18% manakala jumlah jurutera juga turut menurun sehingga 30% semenjak 5 tahun kebelakangan ini. Penurunan ini juga memberi impak berganda dengan perpindahan bakat ke luar negara sebanyak 20% kesan dari peluang pekerjaan yang lebih baik.

Oleh yang demikian, terdapat keperluan pihak Kerajaan dan agensi menerangkan pelan tindakan jalinan kerjasama industri dengan pihak institusi pengajian dan memberi justifikasi untuk membenarkan pelajar luar negara dari bidang kejuruteraan di universiti tempatan untuk bekerja di dalam industri semikonduktor di Malaysia sekurangnya dua atau tiga tahun."

[Menteri Pelaburan, Perdagangan dan Industri]

16. PR-1532-U(27)332

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [Arau] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa supaya Kerajaan segera membina Pangkalan di Beting Patinggi Ali. Sehingga kini tiada langkah tegas yang diambil pihak Kerajaan untuk menghalang pencerobohan kapal China di Beting Patinggi Ali yang terletak dalam kawasan Zon Ekonomi Eksklusif (ZEE) Malaysia. Adalah diharapkan pihak Kerajaan dapat merancang dan melaksanakan mekanisme yang lebih efektif untuk menangani masalah ini setelah nota diplomatik yang dihantar pihak Malaysia seperti tidak dihiraukan bagi memastikan Beting Patinggi Ali menjadi hak Malaysia."

[Menteri Pertahanan]

17. PR-1532-U(27)333

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [Arau] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya menyegerakan pembinaan tembok kekal di sempadan Malaysia - Thailand bagi mengekang kegiatan penyeludupan dan jenayah rentas sempadan di negara ini. Pembinaan dan baik pulih tembok sempadan Malaysia - Thailand perlu agar dapat merangkumi keseluruhan perbatasan dari Perlis hingga Kelantan dan suatu pelan tindakan komprehensif merangkumi semua agensi Kerajaan bagi kawalan sempadan Malaysia - Thailand adalah sangat diperlukan.

Kerajaan Malaysia sebelum ini telah memberikan komitmen untuk membina tembok sempadan tersebut tetapi sehingga terkini masih tiada pelan pembangunan komprehensif dan terperinci yang diumumkan. Mohon pihak kerajaan memandang serius perkara ini dengan menyegerakan pembangunan tembok sempadan Malaysia - Thailand secara menyeluruh dan memastikan suatu pelan komprehensif merangkumi semua agensi Kerajaan bagi kawalan sempadan Malaysia - Thailand agar benar-benar berkesan menjamin keselamatan perbatasan negara."

[Menteri Dalam Negeri]

18. PR-1532-U(27)334

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [Arau] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya membentuk satu pasukan petugas khas bagi memberi perhatian terhadap isu pencerobohan sempadan yang berlaku di Sabah dan Sarawak. Seperti di ketahui, Sabah dan Sarawak pula berkongsi sempadan darat sejauh 2,019.5km dengan Kalimantan, Indonesia. Daratan Negara Brunei Darussalam dibatasi sepenuhnya oleh Sarawak sepanjang 481.3km. Kebanyakan kawasan perbatasan Malaysia bersama negara-negara jirannya terletak di kawasan perbukitan yang diliputi hutan tebal dan kawasan perairan laut menyebabkan kawalan terhadap kawasan-kawasan ini sulit dilakukan.

Oleh sebab itu, masalah pencerobohan, penyeludupan, pemerdagangan manusia dan perdagangan narkotik adalah antara isu yang saban tahun masih berlaku dan sukar ditumpaskan. Susulan pembangunan Nusantara, ibu negara baharu Indonesia di Kalimantan Timur dan dengan siapnya Lebuhraya Sematan – Telok Melano secara tidak langsungnya meningkatkan risiko pencerobohan sempadan sama ada melalui darat dan laut terutamanya melalui Taman Negara Tanjong Datu. Oleh hal yang demikian, tindakan segera Kerajaan bagi mencari solusi terbaik kepada masalah kawalan sempadan ini adalah amat diharapkan."

[Menteri Dalam Negeri]

**RISALAT-RISALAT YANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT
(DEWAN RAKYAT)**

<u>TAHUN 2024</u>	<u>RISALAT/DOKUMEN</u>	<u>TARIKH DIBENTANGKAN</u>
DR. 17	Laporan Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC) berhubung Pengurusan Dana Latihan dan Keberkesanan Program Latihan Pembangunan Sumber Manusia Berhad [<i>Human Resource Development Corporation</i> (HRD CORP)] di bawah Kementerian Sumber Manusia (KESUMA)	4 Julai 2024
CMD. 8	Laporan Ketua Audit Negara 2/2024 mengenai Aktiviti Kementerian/Jabatan Kerajaan Persekutuan dan Badan-Badan Berkanun Persekutuan	4 Julai 2024
CMD. 9	Laporan Ketua Audit Negara 2/2024 mengenai Pengurusan Syarikat Kerajaan Persekutuan	4 Julai 2024

****UCAPAN-UCAPAN**
(PERATURAN MESYUARAT 17)
(KAMAR KHAS)

Ahli Yang Berucap	Tajuk Ucapan	Menteri Yang Bertanggungjawab
YB Tuan Manndzri bin Nasib (Tenggara)	1. Perlaksanaan Dasar " <i>Time-Based</i> " Wajib bagi Menyelenggara Sekolah 2. Pendigitalan Sistem Pendidikan	1. YB Menteri Pendidikan 2. YB Menteri Pendidikan
YB Dato' Haji Ahmad bin Saad @ Yahaya (Pokok Sena)	3. Rancangan Pembinaan Parkir Bertingkat di Hospital Sultanah Bahiyah 4. Pemberian Geran Sekolah Agama Rakyat	3. YB Menteri Kesihatan 4. YB Menteri di Jabatan Perdana Menteri

**** Ucapan Di Bawah Usul Berkenaan Perkara Tadbir Kerajaan (Peraturan Mesyuarat 17)**